

HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN DENGAN KEPUASAN KERJA. KAJIAN

KES: DI HOTEL OLIVER, DANOK, THAILAND.

AFNAN CHEDA-OH

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

MASTER PENGURUSAN KOMUNIKASI

MAC 2011

**HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN DENGAN KEPUASAN KERJA. KAJIAN
KES: DI HOTEL OLIVER, DANOK, THAILAND.**

**Disertasi Penyelidikan Ini Dikemukakan kepada Fakulti Komunikasi dan
Bahasa Moden (FKBM) Universiti Utara Malaysia Sebagai Memenuhi Syarat
Keperluan Ijazah Sarjana Pengurusan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia.**

Oleh:

AFNAN CHEDA-OH

2011

DEKLARASI

Saya mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk mendapatkan ijazah-ijazah lain di Universiti Utara Malaysia atau institusi-institusi lain.

Saya juga mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli kecuali petikan dan sedutan yang telah dinyatakan sumbernya dalam tesis ini.

Afnan Cheda-Oh

S 804028

Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman.

Mac 2011

KEBENARAN MERUJUK TESIS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan penghijrahan program Sarjana Sains Pengurusan (Komunikasi), Univesiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan samada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama seklai tanpa kebenaran bertulis penyelidik. Penyertaan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang rujukan di baut ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini samada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan

Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat gaya kepemimpinan penyelia dan hubungannya dengan kepuasan kerja di Daerah Danok, Thailand. Kajian ini khusus untuk mengenal pasti gaya kepemimpinan penyelia berdasarkan pandangan pekerja dengan kepuasan kerja. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan data diperolehi daripada kaedah soal selidik yang menggunakan skala likert lima mata. Alat ukur "*LeaderBehavior Description Questionnaire*" (LBDQ) digunakan untuk mengukur gaya kepemimpinan penyelia dimensi berstruktur dan dimensi timbang rasa. Alat ukur kepuasan kerja digunakan untuk mengukur tahap kepuasan kerja berdasarkan gaya kepemimpinan penyelia dua dimensi tersebut. Sampel kajian terdiri daripada 37 orang pekerja dari Hotel Oliver, Danok, Thailand. Sampel kajian dipilih secara rawak. Data diproses melibatkan statistik deskriptif iaitu pengukuran frekuensi, skor min, sisihan piawai dan peratusan. Berdasarkan kajian didapati gaya kepemimpinan penyelia dalam kedua-dua dimensi iaitu dimensi berstruktur dan timbang rasa adalah rendah pada pandangan pekerja. Kebanyakan item dalam kedua-dua dimensi mempunyai min yang kurang dari 3.00. Ini menunjukkan penyelia di hotel Oliver yang dikaji kurang mengamalkan gaya kepemimpinan dalam kedua-dua dimensi gaya tersebut yang mengakibatkan tahap kepuasan bekerja adalah sederhana.

ABSTRACT

This study aims to look at the leadership style of supervisors and job satisfaction in the district Danok, Thailand. This study specifically to identify the leadership style of supervisors based on the views of workers' job satisfaction. This study used a survey method and data obtained from questionnaires using a five point Likert scale. Measuring instrument "Leader Behavior Description Questionnaire" (LBDQ) was used to measure the structural dimensions of leadership style of supervisors and the dimensions of the consideration. Measuring instrument used to measure job satisfaction levels of job satisfaction on the leadership style of supervisors of two dimensions. The sample consisted of 37 workers from the Hotel Oliver, Danok, Thailand. Samples were chosen randomly. Data processing involves the measurement of the frequency of descriptive statistics, mean, standard deviation and percentage. Based on available research the leadership style of supervisors in the two dimensions of structure and consideration dimensions are low in the eyes of employees. Most items in both dimensions are less than 3.00 min. This indicates that the supervisor at the hotel Oliver studied about the leadership style of the two dimensions of the force that resulted in a moderate level of job satisfaction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, kajian ini dapat disempurnakan mengikut jadual.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr.Norhafezah Binti Yusof yang sedia membantu dan membimbing baik di dalam mahu pun di luar waktu kuliah. Tanpa kerjasama dan bantuan yang sepenuhnya diberikan, adalah mustahil kajian ini dapat disempurnakan.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada ibu bapa dan keluarga tercinta atas segala pengorbanan, pengertian, sokongan dan dorongan yang diberikan terutama di sepanjang laluan program ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu di sepanjang tempoh pengajian ini, serta rakan-rakan yang telah memberi kerjasama dan penuh pengertian.

Setinggi ucapan terima kasih juga kepada pihak pengurusan Hotel Oliver, Danok, Thailand kerana memberi kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Dan terima kasih kepada responden-responden yang memberikan kerjasama.

Semoga kerjasama dan bakti yang dicurahkan akan mendapat ganjaran dari Yang Maha Kuasa dan semoga Allah memberkati kehidupan kita semua di dunia dan akhirat.

Amin.

Sekian, salam hormat,

AFNAN CHEDA-OH

KANDUNGAN

	Muka Surat
DEKLARASI	iii
KEBENARAN MERUJUK TESIS	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Definisi Istilah	6
1.7.1 Gaya	7
1.7.2 Kepimpinan	8
1.7.3 Kepuasan Kerja	9
1.7.3.1 Persekitaran Bekerja	10
1.7.3.2 Gaji	10
1.7.3.3 Peluang Kenaikan Pangkat	10

	1.7.3.4 Rakan Sekerja	10
	1.7.3.5 Penyelia	11
1.8	Pengorganisasian Kajian	11
1.9	Kesimpulan	12

BAB 2: ULASAN KARYA

2.0	Pengenalan	13
2.1	Gaya Kepimpinan	13
2.2	Teori Kepuasan Kerja	17
	2.2.1 Teori Dua Faktor Herzberg	18
	2.2.1.1 Faktor Heygein	18
	2.2.1.2 Faktor Motivator	18
2.3	Hubungan Kepuasan Kerja Dengan Gaya Kepimpinan.	19
	2.3.1 Persekitaran Kerja	19
	2.3.2 Gaji	21
	2.3.3 Peluang Kenaikan Pangkat	21
	2.3.4 Penyeliaan	24
	2.3.5 Rakan Sekerja	25
2.4	Kerangka Teoritikal	25
2.5	Kesimpulan	30

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	31
3.1	Rekabentuk Kajian	31
3.2	Populasi	32
3.3	Sampel dan Kaedah Kajian	32
3.4	Instrumen Kajian	32
	3.4.1 Bahagian A: Demografi	33
	3.4.2 Bahagian B: Soal Selidik Gaya Kepimpinan (LBDQ)	33
	3.4.3 Bahagian C: Soal Selidik Kepuasan Bekerja	34
3.5	Kajian Rintis	34
3.6	Penganalisa Data	36
	3.6.1 Statistik Deskriptif	37
	3.6.1.1 Cara Permarkahan Bahagian B	37
	3.6.1.2 Cara Permarkahan Bahagian C	39
3.7	Kesimpulan	39

BAB 4:	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	41
4.1	Taburan Data Demografi	41
4.1.1	Jantina	42
4.1.2	Bangsa	42
4.1.3	Umur	43
4.1.4	Pendidikan	43
4.1.5	Gaji	43
4.1.6	Jam Bekerja	44
4.1.7	Lama Bekerja	44
4.2	Analisis Gaya Kepimpinan	45
4.2.1	Gaya Kepimpinan Berdasarkan Pandangan Pekerja (Dimensi struktur)	45
4.2.2	Gaya Kepimpinan Berdasarkan Pandangan Pekerja (Dimensi timbang rasa)	48
4.3	Taburan Data Kepuasan Kerja	51
4.3.1	Persekitaran Pekerjaan	52
4.3.2	Peluang Kenaikan Pangkat	53
4.3.3	Gaji	54
4.3.4	Penyeliaan	55
4.3.5	Rakan sekerja	60
4.4	Tahap Gaya Kepimpinan	63
4.5	Tahap Kepuasan Bekerja	63
4.6	Tahap Gaya Kepimpinan Berstruktur Dan Bertimbang rasa	63
4.7	Keutamaan Faktor-Faktor Kepuasan Bekerja	64
4.8	Kesimpulan	65
BAB 5:	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.0	Pendahuluan	66
5.1	Ringkasan Kajian	66
5.2	Keputusan dan implikasi kajian	67
5.4	Menjawab Persoalan Kajian	69
5.5	Cadangan Kajian	71
5.6	Kesimpulan	72
RUJUKAN		73
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 3.1:	Jadual Spesifikasi Instrumen	33
Jadual 3.2:	Nilai Alpha Cronbach Soal Selidik LBDQ dan Kepuasan Pekerjaan.	36
Jadual 3.3:	Skala Jawapan Untuk Soal Selidik Bahagian B (LBDQ)	38
Jadual 3.4:	Cara Pemarkahan Gaya Kepimpinan	38
Jadual 3.5:	Jumlah Skor Untuk Penentuan Tahap Dimensi Gaya Kepimpinan	39
Jadual 4.1:	Taburan Responden Mengikut Jantina	42
Jadual 4.2:	Taburan Responden Mengikut Bangsa	42
Jadual 4.3:	Taburan Responden Mengikut Umur	42
Jadual 4.4:	Taburan Responden Mengikut Pendidikan	43
Jadual 4.5:	Taburan Responden Mengikut Gaji	44
Jadual 4.6:	Taburan Responden Mengikut Jam Bekerja	44
Jadual 4.7:	Taburan Responden Mengikut Lama Bekerja	45
Jadual 4.8:	Analisis Gaya Kepimpinan Berdasarkan Pandangan Pekerja (Dimensi struktur)	45
Jadual 4.9:	Analisis Gaya Kepimpinan Berdasarkan Pandangan Pekerja (Dimensi timbang rasa)	48
Jadual 4.10:	Taburan Persekitaran Pekerjaan	52
Jadual 4.11:	Taburan Peluang Kenaikan Pangkat	54
Jadual 4.12:	Taburan Gaji	54
Jadual 4.13:	Taburan Penyeliaan	56

Jadual 4.14:	Taburan Rakan Sekerja	61
Jadual 4.15:	Tahap Gaya Kepimpinan	63
Jadual 4.16:	Tahap Kepuasan Bekerja	63
Jadual 4.17:	Tahap Tahap Gaya Kepimpinan Berstruktur Dan Bertimbang rasa	64
Jadual 4.18:	Faktor-faktor Kepuasan Bekerja Mengikut Keutamaan	64

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 2.1:	Kerangka Teoritikal Kajian Hubungan Gaya Kepimpinan dengan Kepuasan Kerja. Kajian Kes: Hotel Oliver (Danok, Thailand).	26
Rajah 2.2:	Dua Dimensi Gaya Kepimpinan Ohio State Yang Menghasilkan Sukuan gaya Kepimpinan	27

SENARAI LAMPIRAN

	Lampiran
Surat Permohonan Menjalankan Kajian	A
Borang Soal Selidik	B
Dapatan Ujian SPSS	C

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kepimpinan bukanlah satu isu baru yang seringkali diperbahaskan. Namun adakah disedari bahawa selama hari ini kehidupan kita lebih kepada memimpin atau dipimpin? Kepimpinan adalah satu konsep yang sangat *intangibile*. Namun hasil usahanya akan menghasilkan keputusan yang dapat diukur. Kesan daripada corak kepimpinan yang berkesan akan jelas kelihatan pada prestasi organisasi yang dipimpin oleh seorang pemimpin.

Secara umumnya, kepimpinan yang berkesan lahir, berkembang serta dapat ditambahbaik dari semasa ke semasa. Pengertian kepimpinan amat luas, bergantung kepada kepelbagaian bidang dan perspektif. 'Kepimpinan' berasal dari perkataan asas iaitu 'pimpin', yang membawa erti 'tunjuk', 'pandu' atau menuju kesesuatu tempat. Oleh itu, untuk memimpin, pemimpin itu memerlukan entiti yang dipimpinnya.

Dapat dilihat secara umumnya disini bahawa kepimpinan itu adalah kebolehan dan kemampuan seorang pemimpin itu menggerak, mendorong dan mempengaruhi entiti yang dipimpinnya agar bersedia melaksanakan tindakan mencapai halatuju serta wawasan yang telah ditetapkan oleh organisasi. Organisasi yang cemerlang dan cekap pentadbirannya memerlukan kerjasama yang mantap dari semua ahli termasuklah ketua dan subordinat dalam satu-satu organisasi. Hubungan yang harmoni dan saling bertukar-tukar fikiran mampu menjana satu idea yang bersifat kolektif untuk mencari penyelesaian di dalam sesuatu tugas yang dilaksanakan.

Namun sejauhmanakah gaya kepimpinan itu sendiri dapat memberi kepuasan di kalangan pekerjanya. Dikatakan kejayaan sesebuah organisasi itu bergantung kepada gaya kepimpinan yang ada di kalangan pengurus sesebuah organisasi. Ini kerana kesediaan dan komitmen orang yang dipimpin dalam organisasi amat bergantung kepada kemampuan pemimpin itu mempengaruhi dan meyakinkan mereka dalam membuat sesuatu tindakan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Seseorang pemimpin dikatakan mempunyai ciri kepimpinan yang baik sekiranya beliau mempunyai misi dan visi yang jelas ke arah pencapaian matlamat peningkatan kualiti serta produktiviti organisasi. Namun pemimpin sebagai manusia tidak terlepas dari keterbatasan, kekurangan dan kelemahan. Di dalam kehidupan kita sebagai manusia memerlukan orang lain untuk dipimpin atau memimpin.

Dalam kontek bidang perhotelan sebagai seorang penyelia, komunikasi dengan pekerja bawahannya perlu jelas dan berkesan untuk mencapai visi dan misi organisasi. Bidang perhotelan dilihat sebagai bidang yang penuh dengan disiplin, karisma, gaya dan perkhidmatan yang ditawarkan perlulah menarik dan selesa. Disebabkan bidang perhotelan mempunyai gaya kepimpinan tersendiri, pengkaji telah memilih Hotel Oliver, di Daerah Danok, Thailand sebagai kawasan kajian. Sememangnya kita mengetahui bahawa Thailand terkenal dengan jolokan “syurga dunia”.

Pelbagai bentuk tarikan terdapat di Thailand seperti pelancongan, hiburan, perniagaan dan budayanya sendiri. Bidang perhotelan pesat berkembang bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Tidak kira kos sewaan hotel dari yang murah sewanya sehinggalah hotel bertaraf lima bintang. Lokasi Danok yang berhampiran

dengan sempadan Thailand/Malaysia telah menarik ramai pengunjung. Walaupun terdapat krisis ekonomi dan keselamatan, pengunjung masih menjadikan daerah-daerah di Thailand sebagai destinasi percutian secara individu, keluarga mahupun organisasi. Kepesatan bidang perhotelan ini menarik minat pengkaji untuk melihat gaya kepimpinan yang digunakan oleh pihak pengurusan hotel dan adakah gaya kepimpinan ini dapat memberikan kepuasan bekerja di kalangan pekerjanya.

1.2 Penyataan Masalah

Kepimpinan merupakan perkara utama dalam pengurusan komunikasi selama beberapa tahun kebelakangan ini. Perubahan-perubahan yang pantas di dalam urusan perniagaan, teknologi dan sosial, memerlukan perkembangan tenaga kerja mahir terutama di dalam mencari kepimpinan yang berkesan. Perkembangan pesat tenaga kerja mahir telah membentuk program perkembangan di dalam bidang kepimpinan yang menjadi fokus utama sesebuah organisasi perniagaan mahupun kerajaan.

Seseorang pemimpin yang bertanggungjawab, dapat menstrukturkan keadaan, mengawal tingkahlaku kumpulan, dan boleh menjadi juru cakap kepada kumpulan pekerjanya serta dapat memainkan peranan sebagai penggerak pembangunan dan kemajuan negara. Seorang pemimpin dikatakan berkesan jika kepimpinannya menggunakan pendekatan-pendekatan yang tepat dan sesuai dalam menangani orang-orang bawahannya. Kepimpinan melibatkan keupayaan dan kekuatan untuk meyakinkan orang lain bekerja keras ke arah mencapai matlamat melalui kebolehan dan kemahiran untuk pengikut mencapai matlamat bersama. Ini kerana pengikut menentukan sama ada seseorang pemimpin itu diterima atau sebaliknya.

Bidang perhotelan merupakan satu bidang yang memerlukan pelaksanaan tugas yang lebih mencabar dengan memikul tanggungjawab yang lebih berat setiap

masa. Penyelia merupakan golongan pegawai yang amat penting dalam sesebuah organisasi. Mereka adalah penggerak, perancangan utama dan berfungsi sebagai tulang belakang bagi operasi organisasi dan mereka juga adalah penghubung di antara para pekerja dengan pihak pengurusan.

Dalam kehidupan ini kita kadangkala memimpin dan tidak terlepas juga sebagai sebahagian daripada orang yang dipimpin. Perbezaannya hanyalah pada situasi seseorang itu berada sama ada sesama rakan sekerja, di rumah mahupun dalam organisasi. Dengan demikian, terbitlah pernyataan bahawa setiap orang adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas orang yang dipimpinnya itu. Persoalannya sejauhmanakah hubungan gaya kepimpinan dengan kepuasan kerja pekerja-pekerja di Hotel Oliver, Danok dapat menunjukkan peranan sebenar seorang penyelia. Apakah yang dikatakan dengan gaya kepimpinan yang berkesan? Ini kerana kejayaan para penyelia bergantung kepada peranan dan fungsi mereka dalam usaha menstruktur dan bertimbang rasa dengan pekerja-pekerja membawa kejayaan kepada organisasi secara keseluruhan.

1.3 Persoalan Kajian

Bagi tujuan melaksanakan kajian hubungan gaya kepimpinan dengan kepuasan kerja dikalangan pekerja Hotel Oliver, Danok (Thailand) beberapa persoalan utama kajian diutarakan seperti berikut:

- a) Apakah tahap gaya kepimpinan yang digunakan oleh penyelia Hotel Oliver?
- b) Apakah tahap kepuasan bekerja di kalangan pekerja Hotel Oliver?
- c) Apakah tahap gaya kepimpinan berstruktur dan bertimbang rasa yang digunakan?
- d) Apakah faktor-faktor kepuasan bekerja di kalangan pekerja Hotel Oliver?

1.4 Objektif Kajian

Perkara utama yang menjadi fokus kajian ini adalah berkaitan gaya kepimpinan dengan kepuasan kerja dikalangan pekerja. Kajian yang dijalankan ini mengfokuskan kepada fungsi utama yang dilaksanakan oleh seseorang penyelia dalam organisasi, dan gaya kepimpinan berfungsi sebagai dorongan kepada pekerja-pekerja untuk mempengaruhi mereka berperilaku sebagaimana yang diharapkan dalam mencapai matlamat organisasi atau syarikat. Objektif kajian ini adalah:

- a) Untuk mengenalpasti gaya kepimpinan yang diamalkan oleh para penyelia di dalam bidang perhotelan.
- b) Untuk mengenalpasti tahap kepuasan bekerja di kalangan pekerja Hotel Oliver.
- c) Untuk melihat tahap gaya kepimpinan berstruktur dan bertimbang rasa yang digunakan oleh penyelia Hotel Oliver.
- d) Untuk mengenalpasti faktor-faktor kepuasan bekerja di kalangan pekerja Hotel Oliver.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat membantu Hotel Oliver, Danok, Thailand untuk memilih gaya kepimpinan yang dapat menghasilkan kepuasan kepada para pekerja, seterusnya dapat meningkatkan produktiviti organisasi tersebut.

Selain daripada itu, ianya dapat juga digunakan untuk mengenalpasti sebab-sebab ketidakpuasan para pekerja, yang mana boleh mempengaruhi keberkesanan proses operasi hotel. Disamping itu, dapatan kajian boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak atasan ataupun penyelia untuk menerapkan gaya kepimpinan yang diingini, agar mendatangkan kebaikan bagi kedua belah pihak.

Hasil kajian ini diharap akan dapat membantu penyelia selaku pentadbir di hotel mengambil inisiatif untuk membuat renungan sendiri. Seterusnya penyelia boleh bertindak untuk melaksanakan tanggungjawabnya dalam situasi yang harmoni agar gaya kepimpinannya menuju kearah orientasi tugas tetapi pada masa yang sama pekerjaanya dapat melakukan tugas masing-masing dalam keadaan harmoni. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan pihak pekerja dan penyelia agar lebih berperanan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pekerja-pekerja Hotel Oliver, (Danok, Thailand). Skop kajian hanya meninjau gaya kepimpinan penyelia di hotel tersebut samada mengamalkan gaya kepimpinan dimensi berstruktur atau timbangrasa. Kepuasan kerja pula ditinjau berdasarkan gaya kepimpinan dari dua kepimpinan dimensi yang dilaksanakan serta melihat dan menganalisa gaya kepimpinan dikalangan para penyelia berdasarkan persepsi para pekerjaanya ke atas penyeliaanya.

Skop kajian hanya menumpukan kepada gaya kepimpinan sebagai pembolehubah bebas dan kepuasan kerja sebagai pembolehubah bersandar dengan faktor-faktor kepuasannya yang dipilih seperti persekitaran pekerjaan, peluang kenaikan pangkat, gaji, penyelia dan rakan sekerja. Kajian ini melibatkan pekerja-pekerja hotel yang dipilih secara rawak.

1.7 Definisi Istilah

Istilah penting yang akan digunakan dalam kajian ini ialah gaya, kepimpinan, kepuasan dan pekerja.

1.7.1 Gaya

Mengikuti Kamus Dewan (2005), gaya ialah stail atau cara melakukan sesuatu (mengarang, bercakap dan lain-lain). Merujuk kepada kajian ini, gaya merupakan perlakuan, stail, cara atau orientasi kepimpinan penyelia dalam mengurus, memimpin dan mentadbir hotel ke arah mencapai matlamat, visi dan misi organisasi.

Ainon (2005), menyatakan gaya kepimpinan merupakan cara seseorang itu berfikir, sikapnya dan tingkah lakunya. Gaya yang digunakan dalam penulisan ini adalah merujuk kepada stail, cara, gelagat dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh penyelia dalam mengurus dan mentadbir organisasi hotel. Pada masa yang sama pekerja melihat dan menganggap gaya kepimpinan yang dipamerkan oleh penyelia dari sudut pandangan pekerja itu sendiri.

Gaya kepimpinan seseorang pemimpin banyak memainkan peranan dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Seandainya pemimpin mengamalkan kepimpinan yang berkesan, seluruh organisasi akan mengecapi kejayaan. Para pekerjanya pula akan gembira dengan tugas mereka (Wan Faridah, Noor Azmi & Ishak, 2002).

Muhammad Rifa'i (2009) menyatakan salah satu aspek kepemimpinan yang dianggap penting adalah gaya kepemimpinan. Gaya kepemimpinan berkaitan dengan cara yang digunakan oleh pimpinan untuk mengatur, mempengaruhi bawahan, dalam rangka mencapai tujuan organisasi. Gaya kepemimpinan yang digunakan oleh penyelia juga berhubungan dengan variabel organisasi iaitu budaya organisasi, motivasi berprestasi dan komitmen pada organisasi yang sangat diperlukan dalam mengarahkan kerja para

anggota organisasi, kerana kerja yang ditunjukkan oleh para anggota organisasi akan memberi kesan kepada pencapaian tujuan organisasi secara keseluruhan.

1.7.2 Kepimpinan

Mengikut Kamus Dewan (2005), kepimpinan membawa erti keupayaan (kebolehan, pencapaian dan sebagainya) sebagai pemimpin. Merujuk kepada kajian ini kepemimpinan merupakan tingkah laku pemimpin bagi mencari penyelesaian masalah dan mencari jalan untuk melaksanakan sesuatu program atau tugas yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi. Menurut Ainon (2005), kepimpinan ialah sejenis tingkah laku yang bertujuan mempengaruhi individu-individu lain supaya mereka sanggup dan secara sukarela melakukan apa yang dikehendaki oleh individu yang memimpin.

Kepimpinan menurut Nik Rashid (1993) akan melibatkan penggunaan pengaruh, komunikasi dan matlamat. Kepimpinan ialah satu percubaan untuk pengaruh-mempengaruhi antara peribadi, yang diarahkan melalui proses komunikasi, menuju pencapaian satu matlamat atau beberapa matlamat. Kepimpinan juga ditakrifkan sebagai aktiviti mempengaruhi individu supaya berusaha secara sukarela untuk mencapai objektif sesuatu kumpulan (Jaafar, 1996).

Kecemerlangan sesebuah organisasi adalah disebabkan oleh banyak faktor. Walaubagaimanapun ramai pengurus dan penyelidik dalam bidang kepimpinan dan pengurusan cenderung untuk melihat kepimpinan sebagai penyumbang utama atau penyebab langsung kepada pencapaian organisasi.

Antaranya adalah Andersen (2002) yang mengatakan bahawa literatur mengenai kepimpinan secara umumnya banyak berasaskan andaian bahawa kepimpinan adalah penyebab kepada keberkesanan organisasi.

1.7.3 Kepuasan Kerja

Setiap orang yang bekerja mengharapkan memperoleh kepuasan dari tempatnya bekerja. Pada dasarnya kepuasan kerja merupakan hal yang bersifat individual kerana setiap individu akan memiliki tingkat kepuasan yang berbeza-beza sesuai dengan nilai-nilai yang berlaku dalam diri setiap individu. Semakin banyak aspek dalam pekerjaan yang sesuai dengan keinginan individu, maka semakin tinggi tingkat kepuasan yang dirasakan.

Kepuasan kerja adalah sikap umum terhadap pekerjaan seseorang yang menunjukkan perbezaan antara jumlah penghargaan yang diterima pekerja dan jumlah yang mereka yakini seharusnya mereka terima (Robbins, 2000).

Kepuasan Kerja merupakan sikap (positif) tenaga kerja terhadap pekerjaannya, yang timbul berdasarkan penilaian terhadap situasi kerja. Penilaian tersebut dapat dilakukan terhadap salah satu pekerjaannya, penilaian dilakukan sebagai rasa menghargai dalam mencapai salah satu nilai-nilai penting dalam pekerjaan. Nilai-nilai pekerjaan merupakan tujuan-tujuan yang ingin dicapai dalam melakukan tugas pekerjaan. Yang ingin dicapai ialah nilai-nilai pekerjaan yang dianggap penting oleh individu. Dikatakan selanjutnya bahawa nilai-nilai pekerjaan harus sesuai atau membantu memenuhi keperluan-keperluan asas. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa kepuasan kerja merupakan hasil dari tenaga kerja yang berkaitan dengan motivasi kerja.

Sehingga dapat disimpulkan pengertian kepuasan kerja adalah sikap yang positif dari tenaga kerja meliputi perasaan dan tingkah laku terhadap pekerjaannya melalui penilaian salah satu pekerjaan sebagai rasa menghargai dalam mencapai salah satu nilai-nilai penting pekerjaan.

1.7.3.1 Persekitaran pekerjaan

Persekitaran pekerjaan merupakan salah satu faktor kepuasan kerja kepada seseorang individu. Persekitaran pekerjaan ini termasuklah semua bentuk hubungan faktor fizikal, psikologi dan sosial yang berlaku seperti di tempat kerja, peralatan yang digunakan dan bahan yang digunakan. Pekerjaan melibatkan seseorang yang melakukan sesuatu kerja. Ia juga boleh dikategorikan kepada melakukan aktiviti harian dalam bentuk rutin yang menyeronokkan atau membosankan.

1.7.3.2 Gaji

Gaji merupakan pemberian majikan kepada pekerjanya dalam bentuk wang sebagai balasan kepada mereka kerana menjalankan pekerjaan.

1.7.3.3 Kenaikan pangkat

Kenaikan pangkat tidak semestinya melibatkan kenaikan gaji, tetapi mungkin melibatkan perubahan status diri pekerja di dalam hirarki organisasi. Peluang kenaikan pangkat ini, berlaku apabila seseorang memegang sesuatu jawatan dan diberi peluang oleh majikan untuk mempelajari atau memperoleh sesuatu kemahiran dan pengetahuan baru dari semasa ke semasa.

1.7.3.4 Rakan sekerja

Individu yang sama-sama bekerja di dalam sesebuah organisasi atau sesebuah jabatan.

1.7.3.5 Penyelia

Penyelia merupakan seorang yang mempunyai kecekapan dalam bidang mentadbir atau membimbing serta memberikan penilaian kepada hasil kerja pekerja-pekerja di bawahnya.

1.8 Pengorganisasian Kajian

Pengkaji membahagikan kajian ini kepada lima bahagian. Bab satu iaitu pengenalan dan objektif kajian serta kepentingannya telah diperbincangkan di bahagian ini.

Seterusnya Bab Dua: Ulasan Karya akan menyorot kembali kajian-kajian dan penulisan-penulisan lepas yang mencakupi matlamat kajian ini. Di bahagian ini juga persoalan kajian, kerangka teoritikal dan definisi operasional akan di kemukakan.

Bab Tiga: Metodologi Kajian akan memberi penekanan berkenaan metodologi yang akan digunakan di dalam kajian. Ini akan meliputi rekabentuk kajian, populasi, sampel dan kaedah persampelan, instrumen kajian, kajian rintis (pilottest), kaedah pengutipan data dan penganalisis data.

Bab Empat: Dapatan dan Perbincangan akan membincangkan dapatan hasil kajian yang meliputi aspek taburan demografi responden di samping ujian-ujian statistik yang digunakan. Perbincangan terhadap hasil dapatan akan turut dilakukan di bab ini.

Bab Lima: Rumusan, Kesimpulan dan Cadangan akan menumpukan perbincangan dari aspek pencapaian objektif-objektif di dalam kajian ini. Kesimpulan terhadap hasil kajian dan perbincangan akan turut dilakukan berasaskan dapatan kajian. Implikasi dari hasil dapatan akan diperbincangkan disamping mengemukakan

cadangan terhadap organisasi dan bidang yang berkaitan serta penyelidikan akan datang.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan latar belakang kepada permasalahan kajian iaitu melihat hubungan gaya kepimpinan dengan kepuasan kerja di kalangan pekerja Hotel Oliver, Danok (Thailand). Seterusnya, dari segi skop kajian hanya tertumpu di Hotel Oliver, Danok (Thailand) sebagai populasi kajian.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan

Beberapa teori dan pendekatan yang berbeza digunakan oleh penyelidik-penyelidik dalam mengkaji gaya kepimpinan. Tiga pendekatan utama dalam mengkaji gaya kepimpinan adalah pendekatan sifat, pendekatan tingkah laku, dan pendekatan situasi. Fokus kajian ini adalah pendekatan tingkah laku.

Menurut Mohd. Hizam Hanafiah dan Zafir Mohd. Makhbul (2002), pendekatan tingkah laku boleh dimaksudkan sebagai apakah yang dilakukan oleh seseorang pemimpin terhadap pengikutnya atau organisasinya dalam melaksanakan tugasnya. Pendekatan ini akan menumpukan kepada apa yang dilakukan oleh pemimpin yang efektif dan bagaimana mereka mendelegasikan tugas-tugas, cara berhubung, cara mereka mendorong subordinat mereka, dan bagaimana mereka menjalankan tugas. Secara umumnya, terdapat tiga model yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik dalam mengenal pasti tingkah laku pemimpin iaitu Kajian Ohio State (OSU), Kajian Universiti Michigan, dan Grid Pengurusan.

2.1 Kajian Awal Kepimpinan

Kajian-kajian awal tentang tingkah laku kepimpinan telah dijalankan oleh pelbagai pihak. Antaranya, kajian oleh Universiti Iowa, Kajian Ohio State University, dan Kajian Universiti Michigan.

Salah satu kajian tingkah laku kepimpinan terawal dilakukan oleh Kurt Lewin dan rakan-rakannya di Universiti Iowa. Dalam kajian ini, pengkaji-pengkaji telah

mengkaji tiga jenis tingkah laku atau gaya kepemimpinan iaitu autokratik, demokratik, dan laissez-faire. Tingkah laku autokratik ditakrifkan sebagai pemimpin yang berpusatkan kuasa, mengarahkan cara-cara kerja, membuat keputusan sendiri, dan mengehendkan penyertaan subordinat. Tingkah laku demokratik pula merujuk kepada ketua yang cenderung untuk melibatkan subordinat dalam membuat keputusan, menentukan kaedah kerja dan matlamat, serta menggunakan maklum balas sebagai peluang untuk melatih subordinat. Manakala tingkah laku laissez-faire memberi kebebasan kepada kelompok untuk membuat keputusan dan menyelesaikan kerja mengikut cara mereka sendiri (Robbins & Coulter, 1996:574).

Hasil kajian Universiti Iowa ini mendapati bahawa tingkah laku laissez-faire kurang berkesan dalam setiap kriteria berbanding tingkah laku demokratik dan autokratik. Kajian ini juga mendapati bahawa kuantiti kerja yang dilaksanakan adalah sama dalam kumpulan autokratik dan demokratik. Sebaliknya, kualiti tugas dan kepuasan lebih tinggi dalam kelompok demokratik (Robbins & Coulter, 1996).

Daft (1988) merumuskan kumpulan yang mempunyai pemimpin autokratik menunjukkan prestasi tinggi selagi pemimpin mereka berada bersama-sama untuk menyelia mereka. Walau bagaimanapun, ahli kumpulan berasa tidak senang hati dengan tingkah laku kepemimpinan autokratik dan permusuhan akan meningkat. Hasil kerja kumpulan demokrasi pula baik kerana wujud perasaan positif dan ahli kumpulan tetap melaksanakan tugas dengan baik walaupun tanpa pengawasan pemimpin. Kajian awal ini mencadangkan pemimpin menggunakan tingkah laku autokratik atau demokratik.

Antara kajian tingkah laku kepemimpinan yang popular ialah kajian gaya kepemimpinan oleh Universiti Ohio State pada tahun 1940-an (Robbins & Coulter, 1996). Dalam kajian Universiti Ohio State (OSU), dua dimensi tingkah laku telah

dikenal pasti iaitu struktur pemula (initiating structure) dan timbang rasa (consideration). Struktur pemula merujuk kepada pemimpin yang menentukan peranan dan pembahagian tugas untuk dirinya dan subordinat bagi mencapai matlamat. Tingkah laku ini juga melibatkan pengaturan kerja, hubungan kerja dan matlamatnya. Pemimpin yang mengamalkan tingkah laku struktur pemula mengagihkan tugas kepada ahli, mengharapkan pekerja mencapai piawaian prestasi, dan menekankan tarikh siap tugas (Stogdill, et. al. 1974).

Menurut Stogdill (1974) lagi, timbang rasa merujuk kepada perhubungan di tempat kerja yang bersifat saling mempercayai, hormat-menghormati, dan menimbangkan perasaan pekerja, keselesaan, kesejahteraan, status, dan kepuasan pekerja diberi perhatian oleh pemimpin. Penyelidikan ini mendapati bahawa pemimpin yang mengamalkan struktur pemula dan timbang rasa yang tinggi akan mencapai prestasi dan kepuasan yang tinggi daripada pekerjanya.

Berdasarkan kajian tingkah laku struktur dan timbang rasa oleh Universiti Ohio State, kita dapat mengenal pasti empat gaya kepimpinan yang asas. Gaya kepimpinan adalah tingkah laku yang ditunjukkan oleh pemimpin semasa memimpin ahli-ahli organisasi ke arah yang sesuai. Gaya kepimpinan tersebut adalah struktur rendah – timbang rasa tinggi; struktur tinggi – timbang rasa tinggi; struktur tinggi – timbang rasa rendah; dan struktur rendah – timbang rasa rendah. Kajian OSU masih menjadi asas kepada kajian dan pemikiran kepimpinan moden (Certo, 1997).

Selain kajian yang telah dilakukan oleh Ohio State University, terdapat juga kajian tingkah laku yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Michigan University. Kajian dijalankan pada masa yang sama dengan Kajian OSU. Kajian Michigan mempunyai objektif yang sama, iaitu mengenal pasti ciri-ciri tingkah laku pemimpin yang berkaitan dengan prestasi atau keberkesanan. Kumpulan pengkaji ini menemui

dua dimensi tingkah laku yaitu orientasi pekerja dan orientasi pengeluaran. Pemimpin yang berorientasikan pekerja menekankan perhubungan manusia, dan pemimpin berorientasikan pengeluaran menekankan aspek tugas atau bahagian teknikal (Katz & Kahn, 1966).

Menurut Lensis Likert (1969), pemimpin yang mengamalkan pendekatan berorientasikan pengeluaran dianggap sebagai seorang yang autokratik dan bergantung kepada kuasa kedudukannya untuk mempengaruhi pekerja bawahan. Pemimpin-pemimpin seperti ini akan menggunakan sistem kawalan yang ketat untuk memastikan pekerja bawahan sentiasa mengikuti prosedur dan tatacara kerja untuk menentukan prestasi yang baik dapat dicapai. Pemimpin yang mengamalkan pendekatan berorientasikan pekerja dianggap sebagai seorang yang demokratik, membuka ruang kepada pekerja bawahan untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan melakukan penurunan kuasa kepada mereka. Pemimpin-pemimpin seperti ini sentiasa mewujudkan suasana kerja yang selesa dan harmoni, dan menunjukkan sikap mengambil berat terhadap pertumbuhan diri serta pencapaian pekerja-pekerja bawahannya.

Kajian Michigan mendapati kumpulan kerja yang paling produktif cenderung mempunyai pemimpin yang berorientasikan pekerja berbanding orientasi pengeluaran. Mereka mendapati bahawa pemimpin yang berkesan mempunyai hubungan sokongan dengan pekerja-pekerja cenderung untuk membuat keputusan berkumpulan, dan menggalakkan pekerja menetapkan matlamat prestasi yang tinggi (Stoner, et. al. 1995).

Robert Blake dan Jane Mouton (1964) telah memperkenalkan Grid Pengurusan yang memperlihatkan gaya dua dimensi dalam kepimpinan. Satu dimensi dinamakan keprihatinan terhadap manusia, dan satu dimensi lagi ialah keprihatinan

terhadap pengeluaran. Cadangan ini menggunakan penemuan dimensi daripada Kajian OSU dan Kajian Universiti Michigan. Gaya kepimpinan Blake dan Mouton dapat dibahagikan kepada lima gaya iaitu:

- I. Pengurusan *laissez-faire* (1,1);
- II. Pengurusan Country Club (1,9);
- III. Pengurusan Kerja (9,1);
- IV. Pengurusan Kumpulan (9,9); dan
- V. Pengurusan Sederhana (5,5).

Pengurus jenis 1,1 ialah pemimpin yang mempunyai keprihatinan rendah terhadap tugas dan pekerja. Pengurus 5,5 pula memberikan tumpuan seimbang terhadap kedua-dua aspek kebajikan dan pengeluaran. Pengurus jenis 1,9 lebih mementingkan pekerja daripada tugas, dan pengurus jenis 9,1 pula terlalu mementingkan tugas dan mengabaikan manusia. Berdasarkan penemuan ini, Blake dan Mouton (1964) berpendapat pengurus berprestasi terbaik menggunakan gaya 9,9. Pengurus jenis ini memberi perhatian paling tinggi terhadap pekerja dan juga terhadap pengeluaran. Gaya ini dinamakan sebagai pengurusan berpasukan atau pengurusan demokratik dipercayai oleh mereka boleh membawa prestasi tinggi, kadar ketidakhadiran dan pusing ganti yang rendah, dan tahap kepuasan kerja yang tinggi (Zainal Ahmad Ariffin, 1998).

2.2 Teori Kepuasan Kerja

Robbins (2000) menyatakan kepuasan kerja berkait dengan lima penentu iaitu faktor pekerjaan. gaji. kenaikan pangkat, penyelia, dan hubungan dengan rakan sekerja. Beliau turut dipercayai bahawa pekerja-pekerja yang berpuas hati

berkemungkinan menjadi warganegara yang mempunyai sikap yang positif terhadap hidup dan dalam masyarakat serta organisasi.

Banyak kajian mengenai kepuasan bekerja terutamanya di Amerika Syarikat telah menggunakan teori Herzberg dan Maslow. Antaranya ialah kajian oleh Bellott dan Tutor (1990); Truell, Price dan Joyner (1998); Lacy dan Sheehan (1997); Klecker dan Loadman (1997); Bergstrom dan Lunz (1998); Volkwein dan Parmley (1998) dan Hochwarter, Pen-ewe, Ferris dan Brymer (1999). Walaubagaimanapun kajian ini akan mengfokus kepada teori Herzberg untuk dijadikan asas kajian, ini kerana selain memberi penekanan kepada perbincangan kepuasan bekerja, teori ini adalah popular.

2.2.1 Teori Dua Faktor Herzberg

Teori ini menekankan kepada faktor-faktor persekitaran sebagai penggerak kepada manusia untuk menjalankan sesuatu kegiatan. Pemusatannya lebih tertumpu kepada persekitaran tempat kerja dalam aspek penentuan kepuasan kerja. Dua faktor yang menjadi asas kepada teori ini ialah:

2.2.1.1 Faktor *Hygiene*

lanya merupakan keinginan individu untuk mendapatkan komponen yang bersifat luaran umpamanya gaji, keadaan kerja, hubungan sesama pekerja dan penyelia, kerja yang terjamin dan juga penyeliaan serta polisi syarikat.

2.2.1.2 Faktor *Motivator*

lanya merupakan faktor yang bersifat dalaman atau intrinsik seperti faktor pencapaian, tanggungjawab, penghargaan dan kemajuan diri.

Menurut Herzberg *et al.* (1959) kedua-dua faktor *hygiene* dan faktor

Motivator penggerak seseorang menentukan tingkat kepuasan bekerja

individu. Ini adalah kerana tercapai atau tidaknya keinginan terhadap faktor-faktor tersebut akan menentukan tinggi atau rendahnya tingkat kepuasan bekerja yang akan dirasakan oleh pekerja berkenaan.

2.3 Hubungan Kepuasan Kerja Dengan Gaya Kepimpinan.

Dalam melihat hubungan kerja dengan gaya kepimpinan terdapat lima faktor yang dikaji iaitu persekitaran kerja, gaji, peluang kenaikan pangkat, penyeliaan dan rakan sekerja.

2.3.1 Persekitaran Kerja

Persekitaran pekerjaan merupakan salah satu faktor kepuasan kerja kepada seseorang individu. Persekitaran pekerjaan ini termasuklah semua bentuk hubungan faktor fizikal, psikologi dan sosial suasana dan persekitaran yang berlaku seperti di tempat kerja, peralatan yang digunakan dan bahan yang digunakan. Pekerjaan adalah melibatkan seseorang yang melakukan sesuatu kerja. Ia juga boleh dikategorikan kepada melakukan aktiviti.

Forehand dan Gilmer (1964), Kaczka dan Kirk (1967), Litwin dan Stringer (1968) mendapati bahawa iklim organisasi yang berbeza mempengaruhi prestasi kerja, gaya kepimpinan dan kepuasan pekerja pengurus.

Litwin dan Stringer (1968) juga mendefinisikan iklim organisasi merupakan satu konsep yang menggambarkan kualiti persekitaran organisasi yang subjektif berdasarkan persepsi dan pengalaman ahli dalam organisasi.

Camble, Dunnet, Lawler dan Weick (1970) menyatakan iklim organisasi sebagai proses psikologi yang menghubungkan antara persekitaran

kerja (polisi, amalan dan prosedur dalam organisasi), dan kerja berkaitan dengan sikap serta tingkahlaku. Manakala Davis (1981) merujuk persekitaran organisasi sebagai tempat bekerja.

Caplan dan French (1978), mendefinisikan tekanan kerja sebagai persekitaran kerja yang menghasilkan ancaman kepada individu. Ancaman ini berlaku apabila individu tidak berupaya untuk memenuhi tuntutan persekitaran kerja.

Saranan oleh Teori Persamaan (*equity theory*) oleh Adams (1965) menyebut setiap pekerja adalah dalam persekitaran pertukaran (*exchange*) dimana mereka melabur dalam pekerjaan mereka dengan mendapatkan hasil dari organisasi. Pelaburan datang dengan pelbagai bentuk; samada kemahiran, pelajaran, latihan, kekananan, dan lain-lain. Kepuasan adalah hasil dari persepsi individu bahawa pertukaran yang berlaku adalah adil dan saksama.

Peringkat individu mahupun pada peringkat negara, pihak kerajaan menganggap bahawa kalau kita ingin mencapai matlamat, kita mestilah meniru etika kerja orang-orang Jepun yang memberi sumbangan besar kepada daya pengeluaran mereka (Mahathir, 1982). Di peringkat hubungan pekerja dengan pekerjaan pula, para pekerja dikehendaki berbangga dengan pekerjaan mereka. Bagi beliau, pekerjaan boleh dinikmati seperti menikmati permainan. Menurut beliau, bila seseorang bermain, dia berasa keletihan tetapi dia tetap menyatakan yang dia seronok bermain walau betapa banyak pun tenaga dan wang yang dibuang dan keletihan yang dialami kerana dia mendapat keseronokan dalam menghadapi cabaran kepada kemahiran dan staminanya. Jadi, seperti permainan, pekerjaan juga boleh memberi *thrill* yang terhasil

daripada cabaran-cabaran kepada kemahiran dan kepantasan yang diperlukan daripada pekerjaannya.

Tersirat di sebalik saranan-saranan ini ialah kepercayaan bahawa untuk meningkatkan daya pengeluaran, para pekerja harus merasa puas dan diberi kepuasan dalam pekerjaan mereka. Peranan ini diberi kepada pemimpin. Walaupun semua orang mempunyai peranan yang sama pentingnya, para pemimpin menjadi bahagian yang sangat perlu dalam skema ini. Bagi Mahathir "...pengurus dan pentadbir kita mestilah mempunyai motivasi tinggi dan menyediakan kepimpinan dan arah kepada enterprise mereka" (1982:8). Mereka dikehendaki menyediakan contoh yang baik kepada orang-orang yang bekerja di bawah mereka.

2.3.2 Gaji

Powell (1990) menyatakan jika peluang naik pangkat rendah, niat meninggalkan organisasi akan meningkat. Beliau menekankan bahawa terdapat hubungan antara kepuasan berkaitan gaji dan peluang naik pangkat yang menjurus kepada niat untuk meninggalkan organisasi. Tahap penyeliaan juga mempunyai hubungan signifikan dan negatif dengan niat untuk meninggalkan organisasi. Gaji merupakan pemberian majikan kepada pekerjaanya dalam bentuk wang sebagai balasan kepada mereka kerana menjalankan pekerjaan (Norhartini, 2004)

2.3.3 Peluang Kenaikan Pangkat

Shafiq dan Syed (1987) telah membuat kajian bagi mengenalpasti tahap komitmen pekerja lelaki dan wanita dalam organisasi di Pakistan.

Responden adalah dipilih secara rawak dalam pelbagai organisasi. Jumlah responden lelaki ialah 971 dan wanita 145 orang. Dapatan kajian mendapati wujudnya hubungan negatif di antara komitmen organisasi dengan perkembangan kemahiran adalah disebabkan ketidakpuasan pekerja terhadap kekurangan peluang dan ransangan untuk memperkembangkan kemahiran serta kebolehan mereka.

Monttaz (1989), telah melaporkan satu perhubungan yang kuat antara ganjaran kerja dengan komitmen. Ganjaran kerja yang diteliti oleh beliau adalah faedah-faedah 34 intrinsik dan ekstrinsik yang diterima oleh pekerja. Antaranya ialah peluang yang disediakan oleh pihak penyelia untuk meningkatkan kepuasan kerja, pendapatan, faedah sampingan dan kepuasan yang diperolehi hasil daripada interaksi bersama rakan-rakan sekerja. Mottaz melihat komitmen ini sebagai satu konsep “memberi dan menerima” (the notion of *exchange*).

Kajian Vroom (1964) mengenai pangkat dikalangan pekerja kilang barangan elektronik mendapati bahawa ada hubungan positif antara kenaikan pangkat dengan kepuasan kerja. DeCotiis dan Summers (1987) menekankan bahawa ciri-ciri peribadi yang berdasarkan organisasi seperti tempoh perkhidmatan dan peluang kenaikan pangkat yang mempengaruhi komitmen terhadap organisasi. Ciri-ciri ini berupaya mempengaruhi pekerja dalam membuat keputusan samada ingin terus bekerja dalam sesebuah organisasi atau sebaliknya.

Powell (1990) menyatakan jika peluang naik pangkat rendah, niat meninggalkan organisasi akan meningkat. Beliau menekankan bahawa terdapat hubungan antara kepuasan berkaitan gaji dan peluang naik pangkat

yang menjurus kepada niat untuk meninggalkan organisasi. Tahap penyeliaan juga mempunyai hubungan signifikan dan negatif dengan niat untuk meninggalkan organisasi.

Kenaikan pangkat tidak semestinya melibatkan kenaikan gaji, tetapi mungkin melibatkan perubahan status diri pekerja di dalam hirarki organisasi. Peluang kenaikan pangkat ini, adalah apabila seseorang memegang sesuatu pekerjaan dan diberi peluang oleh penyelia untuk mempelajari atau memperoleh sesuatu kemahiran dan pengetahuan baru dari semasa ke semasa (Norhartini, 2004).

Selain itu, komunikasi adalah satu aktiviti penting dalam sesebuah organisasi. Menurut Zaiko dan Dance (1965) pengurus-pengurus dalam organisasi-organisasi besar di Amerika Syarikat menggunakan 85-90 peratus daripada masa kerja mereka untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan komunikasi. Penulis-penulis tentang organisasi telah menekankan tentang kepentingan komunikasi dalam organisasi sejak sebelum perang dunia kedua lagi. Barnard (1938) menyatakan bahawa tugas pertama yang patut dilakukan oleh seseorang eksekutif dalam organisasi ialah membentuk dan mengekalkan satu sistem komunikasi formal yang baik. Ia juga patut berusaha mewujudkan iklim komunikasi yang baik dalam organisasinya disamping menggalakkan pertumbuhan satu sistem komunikasi tidak formal yang baik. Kemahiran dalam komunikasi lisan juga telah dijadikan satu syarat untuk kenaikan pangkat dan organisasi.

2.3.4 Penyeliaan

Bennet, Mitchell dan Marrs (2009), mendapati terdapat hubungan positif di antara penyelia yang menyalahgunakan kuasa dan suka mengarah sahaja dengan organisasi yang menyimpang apabila gaya pengurusan menunjukkan tahap ketidakpastian yang tinggi dalam pengurusan.

Chong (2002) pula dalam kajiannya tentang hubungan gaya kepimpinan transformasi dan transaksi terhadap kepuasan pekerja dalam aspek penyeliaan dan komitmen ke atas sektor awam dan swasta mendapati pengaruh gaya kepimpinan hanya memberi 9% ke atas kepuasan kerja dan 7% sahaja ke atas komitmen walaupun terdapat kesignifikanan dan ia juga menunjukkan bahawa gaya kepimpinan bukan lagi menjadi satu punca utama.

Mowday, Porter dan Steers (1982) menyatakan bahawa faktor komitmen kepada organisasi terbahagi kepada dua; iaitu ciri-ciri demografi (peribadi) dan organisasi. Ciri-ciri demografi yang memberi impak kepada komitmen adalah diantaranya termasuklah jantina, umur, tempoh bersama organisasi, taraf pendidikan, serta pendapatan. Ciri-ciri organisasi pula antaranya termasuklah berkaitan dengan pekerjaan, struktur organisasi, penyeliaan, peluang latihan serta peluang pembangunan diri. Nail (1996) menggariskan tiga elemen penting berkaitan dengan komitmen terhadap organisasi iaitu (i) Mempunyai kepercayaan terhadap nilai dan matlamat organisasi. (ii) Kesanggupan berusaha secara maksimum terhadap organisasi dan (iii) Berkeinginan kuat untuk kekal menjadi ahli organisasi tersebut.

2.3.5 Rakan Sekerja

Rakan sekerja merujuk kepada individu atau kumpulan di mana seseorang pekerja bekerja bersama dalam sesuatu organisasi. Galloway, Boswill, Panckhurst dan Green (1984) mendapati bahawa hubungan baik dengan rakan sekerja merupakan faktor utama bagi meningkatkan kepuasan kerja di kalangan guru sekolah rendah New Zealand.

Hackman dan Oldham (1975) mendapati bahawa bekerja tanpa penyeliaan ketat serta kuasa autonomi yang tinggi memberi impak menurunnnya niat untuk meninggalkan organisasi. Hubungan antara rakan sekerja yang baik dan kuat boleh menurunkan niat untuk meninggalkan organisasi.


Feldman (1999) yang mendapati pemimpin yang mempunyai kecerdasan emosi, mengaplikasikannya dan mempunyai kemahiran sosial yang positif dapat mempengaruhi usaha-usaha rakan dan subordinat dalam meningkatkan kemajuan organisasi.

2.4 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal ini berdasarkan Kajian Ohio State. Dalam kajian Universiti Ohio State (OSU), dua dimensi tingkah laku telah dikenal pasti iaitu struktur pemula (initiating structure) dan timbang rasa (consideration). Kajian ini berdasarkan kepada pandangan pekerja iaitu sama ada penyelia mereka menggunakan dimensi berstruktur atau dimensi timbang rasa. Manakala kepuasan bekerja adalah berdasarkan kepada faktor-faktor kepuasan kerja seperti gaji, pekerja, kenaikan pangkat, penyelia dan teman sekerja. Model kajian yang pengkaji cadangkan adalah seperti Rajah 2.1 di sebelah.

PEMBOLEHUBAH BEBAS

PEMBOLEHUBAH BERSANDAR



Rajah 2.1: Kerangka Teoritikal Kajian Hubungan Gaya Kepimpinan dengan Kepuasan Kerja. Kajian Kes: Hotel Oliver (Danok, Thailand).

Dalam kajian yang dijalankan ini, model yang akan digunakan adalah Kajian Ohio State (OSU). Ohio State University telah memulakan satu kajian pada tahun 1945 untuk mengenal pasti dimensi-dimensi yang berbeza tentang gelagat pemimpin. Dua faktor kepimpinan telah dikenal pasti iaitu berorientasikan struktur tugas dan timbang rasa (Razali Mat Zin, 1990: 43).

Tingkah laku struktur bermaksud perhubungan di antara ketua dan subordinatnya terbentuk atas dasar pembentukan tatacara kerja yang mesti diikuti oleh subordinat semasa menjalankan kerja mereka. Oleh itu, struktur tugas melihat kepada sejauh mana pemimpin memberi perhatian kepada kegiatan penyusunan kerja, penjadualan objektif, dan penekanan struktur melalui tingkah laku struktur tugas berdasarkan mendefinisikan struktur peranan pemimpin dan pekerja melalui aktiviti seperti penjadualan, definisi tugas, menetapkan tarikh tamat dan menyelesaikan masalah (Mohd. Hizam dan Zafir, 2002: 248).

- ii. (SUKUAN II) Struktur tugas rendah, timbang rasa tinggi. Merujuk kepada pemimpin yang terlampau mementingkan hubungan manusia sehingga mengabaikan tugas.
- iii. (SUKUAN III) Struktur tugas rendah, timbang rasa rendah. Menggambarkan tingkah laku pemimpin yang membiarkan organisasi berada dalam keadaan tidak menentu.
- iv. (SUKUAN IV) Struktur tugas tinggi, timbang rasa rendah. Menunjukkan pemimpin yang hanya mementingkan tugas dan kurang menunjukkan hubungan kemanusiaan.

Kajian Ohio State ini dipimpin oleh C.L. Shartle. Shartle dan ahli-ahlinya memperoleh data untuk kajian ini melalui Soal Selidik Perihal Kelakuan Pemimpin (Leader Behavior Description Questionnaire - LBDQ) dan Leadership Opinion Questionnaire (LOQ). LBDQ menghuraikan gelagat kepimpinan menurut tanggapan pekerja bawahan, rakan sekerja, dan pihak pengurusan atasan. LOQ pula menghuraikan tanggapan pemimpin itu sendiri terhadap gaya kepimpinan. Gaya-gaya kepimpinan tersebut diukur melalui markah yang diperoleh. Hasil Kajian OSU menunjukkan bahawa gaya kepimpinan yang paling berkesan ialah gaya kepimpinan struktur tugas tinggi dan timbang rasa tinggi (Razali Mat Zin, 1990: 44).

Fleishman (1973) dalam Aminuddin (1990), menyatakan mementingkan tugas yang berstruktur (*initiating structure*) ialah tindakan yang membawa implikasi bahawa pemimpin yang menyusun dan mendefinisikan hubungan dalam kelompok cenderung menetapkan pola dan saluran komunikasi serta cara menjalankan kerja yang nyata. Manakala timbang rasa (*consideration*) pula adalah merujuk kepada

tingkah laku yang menunjukkan persahabatan, saling percaya mempercayai, hormat, kemesraan dan hubungan baik antara penyelia dengan kelompoknya.

Robbins (2005), menyatakan mementingkan tugas yang berstruktur (struktur inisiatif) adalah merujuk kepada darjah sejauh mana seseorang pemimpin itu berkecenderungan untuk mendefinisikan peranannya dan peranan subordinatnya ke arah pencapaian matlamat. Manakala timbang rasa (pertimbangan) pula adalah merujuk kepada darjah sejauh mana seseorang pemimpin itu berkecenderungan untuk menjalin perhubungan kerja yang bercirikan saling percaya-mempercayai dan hormat pada idea subordinat serta perasaan mereka.

Dalam kajian yang dijalankan ini, model yang digunakan adalah model Kajian Ohio State untuk mengenal pasti dimensi-dimensi yang berbeza tentang gelagat pemimpin. Dua faktor kepimpinan telah dikenal pasti iaitu berorientasikan struktur tugas dan timbang rasa. Tingkah laku struktur bermaksud perhubungan di antara ketua dan subordinatnya terbentuk atas dasar pembentukan tatacara kerja yang mesti diikuti oleh subordinat semasa menjalankan kerja mereka. Oleh itu, struktur tugas melihat kepada sejauh mana pemimpin memberi perhatian kepada kegiatan penyusunan kerja, penjadualan objektif, dan penekanan struktur melalui tingkah laku struktur tugas berdasarkan mendefinisikan struktur peranan pemimpin dan pekerja melalui aktiviti seperti penjadualan, definisi tugas, menetapkan tarikh tamat dan menyelesaikan masalah.

Manakala tingkah laku bertimbang rasa bermaksud tingkah laku yang menggambarkan persahabatan, saling mempercayai dan kemesraan perhubungan antara ketua dan subordinatnya. Tingkah laku berdasarkan 'bertimbang rasa' melibatkan perhubungan yang harmoni antara pemimpin dengan pengikutnya. Pemimpin cuba mendengar dan menyelesaikan masalah pengikutnya dan menyokong

tindakan mereka. Pemimpin jenis ini cuba memuaskan hati pengikutnya dan mengekalkan hubungan mereka.

2.5 Kesimpulan

Bab ini membincangkan tentang kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan hubungan gaya kepimpinan dengan kepuasan kerja. Kajian-kajian yang berkaitan dengan pembolehubah turut dijalankan dan diulas. Turut dibincangkan adalah beberapa teori yang berkaitan dengan gaya kepimpinan dan kepuasan kerja. Hasil kajian menunjukkan gaya kepimpinan dan kepuasan kerja memberi kesan ke atas kakitangan dan pentadbir organisasi terbabit.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab tiga akan menerangkan metodologi kajian yang digunakan bermula dari rekabentuk kajian hingga kepada penganalisan data-data yang diperoleh. Untuk penerangan bab ini akan meliputi perbincangan mengenai rekabentuk kajian, populasi sample dan kaedah persampelan, instrumen kajian, kajian rintis, kaedah pengutipan data, penganalisis data dan rekabentuk kajian

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan data-data statistik sebagai medium pengkajian. Kajian yang berbentuk kuantitatif digunakan untuk mencari perhubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dan digunakan untuk menerangkan sesuatu keadaan kajian. Pemilihan responden adalah secara rawak.

Tujuan kajian ini untuk mengenalpasti pembolehubah-pembolehubah kepada gaya kepimpinan dan kepuasan kerja. Faktor-faktor yang dikenalpasti adalah faktor gaya kepimpinan berstruktur dan gaya kepimpinan timbang rasa sebagai pembolehubah bebas dan faktor kepuasan kerja seperti pekerjaan, gaji, peluang kenaikan pangkat, penyelia dan rakan sekerja. Kajian ini dijalankan di Hotel Oliver (Danok, Thailand). Rumusan kajian ini akan bergantung sepenuhnya kepada penggunaan data-data statistik di samping penggunaan dapatan-dapatan dari kajian yang lalu sebagai hujah bagi menyokong keadaan hasil yang diperolehi.

3.2 Populasi

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pekerja-pekerja di Hotel Oliver (Danok, Thailand). Hotel Oliver mempunyai seramai 37 orang kakitangan, yang terdiri daripada kumpulan pengurusan tertinggi, pengurusan professional dan kumpulan sokongan.

3.3 Sampel dan Kaedah Kajian

Sample kajian terdiri daripada 37 orang pekerja-pekerja Hotel Oliver. Borang soal selidik yang diedarkan adalah sebanyak 37 borang. Kesemua responden ini dipilih secara rawak.

3.4 Instrumen Kajian

Secara keseluruhannya, terdapat 97 item di dalam soal selidik ini yang dikendalikan dalam Bahasa Thai. Penggunaan Bahasa Thai di dalam borang soal selidik ini diputuskan setelah meneliti bahawa Bahasa Thai adalah bahasa pengantar yang digunakan dalam komunikasi dan boleh difahami oleh pengkaji dan responden. Menurut Mohd. Najib (2001), instrumen berbentuk soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses untuk dianalisis. Instrumen kajian terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A (demografi), Bahagian B (Soal selidik gaya kepimpinan, LBDQ) dan Bahagian C (soal selidik kepuasan kerja) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Jadual Spesifikasi Instrumen

Bahagian	Perkara	Item	Bilangan Item
A	Demografi responden	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8	8
		JUMLAH	8
B	Gaya kepimpinan		
	B1: Dimensi bestruktur	2, 4, 6, 8, 9, 12, 13, 14, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30	15
	B2: Dimensi timbang rasa	1, 3, 5, 7, 10, 11, 15, 16, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29	15
		JUMLAH	30
C	Kepuasan kerja		
	C1: Persekitaran Pekerjaan	1-8	8
	C2: Peluang kenaikan pangkat	9-11	3
	C3: Gaji	12-17	6
	C4: Penyelia	18-41	24
	C5: Rakan Sekerja	42-59	18
		JUMLAH	59

3.4.1 Bahagian A: Demografi

Bahagian A merupakan demografi responden iaitu jantina, bangsa, umur, taraf pendidikan, pekerjaan sekarang, gaji, jumlah jam bekerja dan lama bekerja.

3.4.2 Bahagian B: Soal Selidik Gaya Kepimpinan (LBDQ)

Bahagian B mengandungi 30 item yang terdiri dari dua dimensi, bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang gaya kepimpinan penyelia berdasarkan pandangan pekerja iaitu sama ada penyelia mengamalkan dimensi berstruktur atau dimensi timbang rasa. Instrumen yang digunakan dari soal selidik Perihal Kelakuan Pemimpin (Leader Behavior Description Questionnaire - LBDQ). LBDQ menghuraikan gelagat kepimpinan menurut

tanggapan pekerja bawahan, rakan sekerja, dan pihak pengurusan atasan.

Soalan-soalan di bahagian ini diukur menggunakan permarkahan berdasarkan Skala Likert iaitu “tidak pernah” (1), “jarang-jarang” (2), “sekali sekala” (3), “kerap kali” (4) dan “sentiasa” (5). Bagi nilai Cronbach Alpha bahagian ini ialah 0.861.

3.4.3 Bahagian C: Soal Selidik Kepuasan Bekerja

Soal selidik ini digunakan untuk mengukur kepuasan kerja, iaitu sejauhmana tingkat kepuasan kerja (tinggi, sederhana, dan rendah) yang dicapai oleh subjek kajian. Soal selidik ini sifatnya ringkas, dan tidak menggunakan banyak perkataan. Oleh itu, untuk memahaminya tidak memerlukan kemampuan dan kefahaman bahasa yang tinggi. Bagi nilai Cronbach Alpha bahagian ini ialah 0.896. Disamping itu, soal selidik ini mengukur 5 dimensi kepuasan kerja iaitu kepuasan terhadap pekerjaan, pendapatan dari gaji, peluang kenaikan pangkat, penyeliaan dan rakan sekerja. Bagi setiap item yang menerangkan dimensi kepuasan yang hendak diukur, disediakan ruang kosong () (Lampiran C) dan responden diminta menandakannya.

3.5 Kajian Rintis

Bagi menguji kebolehpercayaan (*realibiliti*) maka satu kajian rintis telah dijalankan ke atas pelajar bidang perhotelan di Universiti Utara Malaysia. Sebanyak 21 borang soal selidik diedarkan. Pemilihan pelajar bidang perhotelan UUM digunakan kerana mereka terdedah dengan bidang perhotelan dan mengetahui situasi

sebenar bidang perhotelan. Berdasarkan soal selidik yang di jawab, mereka diminta untuk menilai item-item yang terdapat dalam soal selidik berkenaan.

Selain itu, kajian rintis juga bertujuan untuk membantu pengkaji dalam menguji dan menilai kesahan (*validiti*) item-item yang dikaji. Kajian rintis ini turut dilakukan untuk menilai kefahaman ke atas soalan-soalan, kesesuaian maklumat yang diminta, kesesuaian sampel dan kesesuaian soal selidik dengan persekitaran hotel. Menurut Mohd. Najib (2003), kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Jumlah responden seramai 15-20 orang telah mencukupi untuk analisis kesahan luaran dan indeks kebolehpercayaan.

Maklum balas daripada responden dalam kajian ini mendapati bahawa isi kandungan soal selidik bahagian A (demografi), bahagian B (LBDQ) dan bahagian C (Kepuasan kerja) tidak mempunyai masalah bahasa atau kekaburan item. Soal selidik ini telah dialih bahasakan ke Bahasa Thai kerana kajian dilakukan di Hotel Oliver (Danok, Thailand).

Nilai Alpha Cronbach Soal Selidik LBDQ yang pengkaji lakukan untuk kajian rintis ke atas 21 orang responden ialah 0.861 manakala nilai Nilai Alpha Cronbach soal selidik sebenar yang dijalankan ke atas 37 orang responden ialah 0.899. Nilai Alpha Cronbach Soal Selidik kepuasan yang pengkaji lakukan untuk kajian rintis ke atas 21 orang responden ialah 0.943 manakala nilai Nilai Alpha Cronbach soal selidik sebenar yang dijalankan ke atas 37 orang responden ialah 0.742. Perbezaan tersebut dapat dilihat secara lebih jelas seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2 : Nilai Alpha Cronbach Soal Selidik LBDQ dan Kepuasan Pekerjaan.

Item	Kajian	Bilangan Responden	Nilai Alpha Cronbach
Bahagian B: Gaya Kepimpinan (LBDQ)	Rintis	21	0.861
	Sebenar	37	0.899
Bahagian C: Kepuasan Pekerjaan	Rintis	21	0.943
	Sebenar	37	0.742

Kebolehpercayaan dan kestabilan dalam instrumen telah diuji dengan menggunakan kaedah 'Cronbach Alpha'. Didapati nilai Alpha Cronbach bagi kesemua konstruk adalah antara 0.742 hingga 0.943. Menurut Mohamad Najib (1999), jika nilai Alfa Cronbach melebihi 0.6, maka instrumen tersebut sesuai digunakan. Disebabkan nilai Alfa Cronbach yang didapati melebihi 0.6 maka instrumen tersebut sesuai digunakan kerana mempunyai kebolehpercayaan instrument adalah tinggi.

Menurut Sekaran (2005) nilai Cronbach Alpha yang kurang daripada 0.6 adalah lemah. Jika antara 0.7 dikatakan sebagai boleh diterima, manakala yang melebihi 0.8 adalah baik. Berdasarkan penganalisan data terhadap nilai kebolehpercayaan menunjukkan pembolehubah berkenaan dengan kepuasan kerja dan komitmen organisasi sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

3.6 Penganalisa Data

Data dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 15.0. Data-data yang dikumpul dari kajian ini dianalisa menggunakan statistik deskriptif:-

3.6.1 Statistik Deskriptif

Statistik deskriptif digunakan bagi melihat taburan mengikut nilai kekerapan dan peratusan di kalangan pekerja iaitu dengan menggunakan ujian frekuensi. Selain itu, melalui statistik deskriptif ini juga penyelidik turut menghuraikan skor min pembolehubah-pembolehubah kajian.

3.6.1.1 Cara Pemarkahan Bahagian B

Soal selidik di dalam kajian ini menggunakan skala Likert Lima mata untuk bahagian B dan Skala Likert 3 mata untuk Bahagian C. Kaedah permakahan dibuat mengikut skor item yang ditandai bagi item yang positif dan kaedah permakahan terbalik digunakan bagi item negatif. Jumlah skor bagi setiap alat ukuran diperolehi dengan menjumlahkan keseluruhan skor item-item yang digunakan. Kaedah permakahan bagi bahagian B dan bahagian C, adalah seperti berikut;

Skala likert lima mata digunakan untuk soal selidik ini di mana skala tersebut adalah seperti Jadual 3.3. Dalam bahagian ini responden diminta membulatkan nombor yang paling sesuai dengan pandangan mereka iaitu mengenai kekerapan tingkahlaku yang penyelia telah tunjukkan. Bagi menentukan kebolehpercayaan item gaya kepimpinan kaedah Pekali Alfa digunakan. Item nombor 10, 15, dan 16 ialah item yang mempunyai skor negatif. Bagi pernyataan negatif yang terdapat di dalam soal selidik tingkah laku kepimpinan telah ditukarkan kepada pernyataan yang positif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.3: Skala Jawapan Untuk Soal Selidik Bahagian B (LBDQ)

Skala	Mata
Tidak pernah (TP)	1
Jarang-jarang (JJ)	2
Sekali Sekala (SS)	3
Kerap Kali (KK)	4
Sentiasa (S)	5

Jadual 3.4: Cara Pemarkahan Gaya Kepimpinan

Item	Sentiasa	Kerap kali	Sekali sekala	Jarang-jarang	Tidak pernah
Positif	5	4	3	2	1
Negatif	1	2	3	4	5

Soal selidik ini telah siap diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia dan dimurnikan mengikut kesesuaian telah diambil terus oleh penyelidik dari Ong (2007). Nilai Alpha Cronbach Soal Selidik LBDQ yang dijalankan oleh Ong (2001) ialah 0.846.

Setiap item mempunyai skor 1 hingga 5 mata. Maka jarak yang mungkin untuk setiap dimensi ialah antara 15 hingga 75 (15 item x 1 mata bersamaan 15 dan 15 item x 5 mata bersamaan 75). Skor min terendah pula adalah 0 manakala skor min tertinggi ialah 5. Jumlah skor ini akan mengenalpasti gaya kepemimpinan yang diamalkan oleh penyelia sama ada tinggi atau rendah bagi dimensi kepemimpinan yang diukur. Jumlah skor min digunakan sebagai penentu antara skor rendah dengan skor tinggi bagi setiap dimensi kepemimpinan mengikut item.

Jumlah skor untuk item-item setiap dimensi yang lebih tinggi daripada min dianggap mengamalkan gaya kepemimpinan yang tinggi, manakala jika jumlah skor yang rendah daripada min dianggap kurang mengamalkan dimensi kepimpinan tersebut. Jadual 3.5 menunjukkan jumlah skor mata dan skor min untuk menentukan tahap gaya kepimpinan yang diamalkan oleh penyelia berdasarkan pandangan pekerja.

Jadual 3.5: Jumlah Skor Untuk Penentuan Tahap Dimensi Gaya Kepimpinan

Tahap Gaya Kepimpinan	Jumlah Skor Mata	Jumlah Skor Min
Tinggi	76-150	3.01-5.00
Rendah	15-75	1.00-3.00

3.6.1.2 Cara Pemarkahan Bahagian C

Pemberian markah untuk soal selidik ini dibuat berdasarkan manual.

Bahagian ini digunakan untuk mengukur kepuasan kerja, iaitu sejauhmana tingkat kepuasan kerja (tinggi, sederhana dan rendah). Jika subjek kajian menjawab selari dengan skor key, 3 markah akan diberikan. Jika berlawanan dengan skor key, tidak ada markah yang diberikan. Jika sekiranya responden menjawab tidak pasti, 1 markah diberikan.

3.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah statistik deskriptif. Instrumen yang digunakan

telah diuji kebolehpercayaan dan ia boleh diterima pakai dalam menjalankan kajian ini. Hasil kajian rintis turut menunjukkan kadar pulangan yang memuaskan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini menghuraikan tentang analisis dan hasil penemuan kajian yang diperolehi oleh penyelidik berdasarkan kajian gaya hubungan kepimpinan dan kepuasan kerja. Sampel kajian ini terdiri daripada pekerja-pekerja hotel Oliver, Danok (Thailand) sampel kajian ini dipilih secara rawak. Responden telah diberi set soal selidik menerusi kerja lapangan dalam kawasan kajian. Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tujuh bahagian, iaitu taburan data demografi, analisis gaya kepimpinan, taburan data kepuasan kerja, tahap gaya kepimpinan, tahap kepuasan bekerja, tahap gaya kepimpinan berstruktur dan bertimbangrasa, dan keutamaan faktor-faktor kepuasan bekerja.

4.1 Taburan Data Demografi

Latar belakang responden melibatkan aspek jantina, bangsa, umur, pendidikan, gaji, jam bekerja dan lama bekerja.

4.1.1 Jantina

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Hasil daripada kajian didapati responden lelaki adalah seramai 9 orang (24.3%), manakala responden perempuan seramai 28 orang (75.7%). Keadaan menunjukkan bahawa responden perempuan melebihi responden lelaki.

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan (n)	Peratus (%)
Lelaki	9	24.3
Perempuan	28	75.7
Jumlah	37	100.0

4.1.2 Bangsa

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Hasil daripada kajian didapati responden kesemuanya berbangsa Thai seramai 37 orang (100%).

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan (n)	Peratus (%)
Thai	37	100
Jumlah	37	100.0

4.1.3 Umur

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Hasil daripada kajian didapati responden berumur 21 tahun – 30 tahun adalah seramai 19 orang (51.4%), manakala responden berumur 31 tahun – 40 tahun seramai 18 orang (48.6%). Keadaan menunjukkan bahawa responden berumur 21 tahun – 30 tahun melebihi responden berumur 31 tahun – 40 tahun.

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan (n)	Peratus (%)
21 tahun -30 tahun	19	51.4
31 tahun -40 tahun	18	48.6
Jumlah	37	100.0

4.1.4 Pendidikan

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden mengikut pendidikan. Hasil daripada kajian didapati responden berpendidikan sekolah rendah adalah seramai 1 orang (2.7%), manakala responden berpendidikan sekolah menengah adalah seramai 20 orang (56.1%), responden berpendidikan diploma adalah seramai 6 orang (16.2%) dan responden berpendidikan ijazah sarjana muda adalah seramai 10 orang (27%). Keadaan menunjukkan bahawa responden berpendidikan sekolah menengah melebihi responden berpendidikan lain.

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Pendidikan

Pendidikan	Bilangan (n)	Peratus (%)
Sekolah rendah	1	2.7
Sekolah menengah	20	56.1
Diploma	6	16.2
Ijazah sarjana muda	10	27
Jumlah	37	100.0

4.1.5 Gaji

Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut gaji. Hasil daripada kajian didapati responden bergaji kurang dari bath 8,000 adalah seramai 28 orang (75.7%), manakala responden bergaji bath 8,001 – bath 16,000 seramai 9 orang (24.3%). Keadaan menunjukkan bahawa responden bergaji kurang dari bath 8,000 adalah tinggi.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Gaji

Gaji	Bilangan (n)	Peratus (%)
Kurang dari bath 8,000	28	75.7
Bath 8,001 – bath 16,000	9	24.3
Jumlah	37	100.0

4.1.6 Jam Bekerja

Jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut jam bekerja. Hasil daripada kajian didapati responden bekerja kurang dari 8 jam adalah seramai 1 orang (2.7%), manakala responden bekerja 8 – 9 jam adalah seramai 36 orang (97.3%). Keadaan menunjukkan bahawa responden majoriti bekerja melebihi 8 – 9 jam.

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Jam Bekerja

Jam Bekerja	Bilangan (n)	Peratus (%)
Kurang dari 8 jam	1	2.7
8-9 jam	36	97.3
Jumlah	37	100.0

4.1.7 Lama Bekerja

Jadual 4.7 menunjukkan taburan responden mengikut lama bekerja. Hasil daripada kajian didapati responden bekerja selama 1 – 3 tahun adalah seramai 27 orang (73%), manakala responden bekerja selama 4 – 8 tahun seramai 10 orang (27%). Keadaan menunjukkan bahawa responden majoriti bekerja selama 1 – 3 tahun.

Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Lama Bekerja

Lama Bekerja	Bilangan (n)	Peratus (%)
1 -3 tahun	27	73
4 -8 tahun	10	27
Jumlah	37	100.0

4.2 Analisis Gaya Kepimpinan

Gaya kepimpinan penyelia yang dikaji adalah berdasarkan pada pandangan pekerja. Pekerja menpersepsikan sama ada penyelia mengamalkan gaya berstruktur atau bertimbang rasa.

4.2.1 Gaya Kepimpinan Berdasarkan Pandangan Pekerja (Dimensi struktur)

Analisis gaya kepimpinan penyelia berdasarkan pandangan pekerja dapat dilihat pada Jadual 4.8 (dimensi gaya berstruktur).

Jadual 4.8: Analisis Gaya Kepimpinan Berdasarkan Pandangan Pekerja (Dimensi struktur)

Item	Penyata Item	Tidak Pernah	Jarang - Jarang	Sekali Sekala	Kerap Kali	Sentiasa	Min S.P
8	Beliau mengkritik kerja-kerja pekerja yang tidak bermutu	-	5 (13.5%)	11 (43.2%)	9 (24.3%)	12 (32.4%)	3.76 1.065
14	Beliau mengekalkan satu tahap pencapaian yang tetap	1 (2.7%)	4 (10.8%)	17 (45.9%)	15 (40.5%)	-	3.24 0.760
22	Beliau memastikan semua pekerja memahami peranan beliau di hotel	-	7 (18.9%)	19 (51.4%)	8 (21.6%)	3 (8.1%)	3.19 0.845
18	Beliau menekankan segala kerja yang diberi siap pada waktu yang ditetapkan	1 (2.7%)	10 (27.05)	8 (21.6%)	18 (48.6%)	-	3.16 0.928
9	Beliau bercakap dengan gaya yang tidak boleh dipersoalkan	-	13 (35.1%)	11 (29.7%)	8 (29.7%)	5 (13.5%)	3.14 1.058
12	Beliau menetapkan tugas tertentu untuk setiap pekerja	-	8 (21.6%)	17 (45.9%)	12 (32.4%)	-	3.11 0.737
28	Beliau menentukan semua pekerja menjalankan tugas	1 (2.7%)	9 (24.3%)	13 (35.1%)	14 (37.8%)	-	3.08 0.862

	dengan sepenuhnya						
6	Beliau mentadbir secara paksaan	3 (8.1%)	13 (43.2%)	4 (10.8%)	13 (35.1%)	4 (10.8%)	3.05 1.224
24	Beliau meminta pekerja mengikut segala peraturan dan syarat kerja yang telah ditetapkan	2 (5.4%)	9 (24.3%)	15 (40.5%)	7 (18.9%)	4 (10.8%)	3.05 1.053
2	Beliau memastikan sikapnya jelas difahami oleh pekerja	7 (18.9%)	3 (8.1%)	14 (37.8%)	8 (21.6%)	5 (13.5%)	3.03 1.010
20	Beliau menggalakkan pekerja menggunakan prosedur kerja yang sama	6 (16.2%)	7 (18.9%)	7 (18.9%)	16 (43.2%)	1 (2.7%)	2.97 1.190
13	Beliau menentukan jadual kerja yang perlu dilaksanakan	1 (2.7%)	13 (35.1%)	11 (29.7%)	11 (29.7%)	1 (2.7%)	2.95 0.941
26	Beliau menjelaskan kepada pekerja-pekerja apa yang diharapkan-nya	4 (10.8%)	11 (29.7%)	9 (24.3%)	11 (29.7%)	2 (5.4%)	2.89 1.125
30	Beliau memastikan semua tugas pekerja diselaraskan	4 (10.8%)	13 (35.1%)	8 (21.6%)	12 (32.4%)	-	2.76 1.038
4	Beliau senang mencuba idea-idea baru bersama pekerja	12 (32.4%)	3 (8.1%)	11 (29.7%)	11 (29.7%)	-	2.57 1.237

n=37 (Sambungan Jadual 4.8)

Jadual 4.8 menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan gaya kepimpinan penyelia dimensi berstruktur berdasarkan pandangan pekerja. Berdasarkan jadual didapati responden memilih item 8, iaitu beliau mengkritik kerja-kerja pekerja yang tidak bermutu mencatatkan seramai 5 orang (13.5%) memilih jarang-jarang, 11 (43.2%) sekali sekala, 9 (24.3%) kerap kali dan 12 (32.4%) sentiasa, (min bagi item ini ialah 3.76). Item 14 iaitu beliau mengekalkan satu tahap pencapaian yang tetap mencatatkan seramai 1 (2.7%) tidak pernah, 4 (10.8%) jarang-jarang, 17 (45.9%) sekali-sekala dan 15 (40.5%) kerap kali (min = 3.24). Bagi item 22, beliau memastikan semua pekerja memahami peranan beliau di hotel mencatatkan seramai 7 orang (18.9%) jarang-jarang, 19 (51.4%) sekali-sekala, 8 (21.6%) kerap kali, dan 3 (8.1%) sentiasa, (min = 3.19).

Untuk item 18, beliau menekankan segala kerja yang diberi siap pada waktu yang ditetapkan mencatatkan seramai 1 orang (2.7%) tidak pernah, 10 (27.05%) jarang-jarang, 8 (21.6%) sekali-sekala, 18 (48.6%) kerap kali, dan 5 (13.5%) sentiasa, (min = 3.14). Item 9 iaitu beliau bercakap dengan gaya yang tidak boleh dipersoalkan mencatatkan seramai 13 orang (35.1%) jarang-jarang, 11 (29.7%) sekali-sekala, 8 (29.7%) kerap kali, dan 5 (13.5%) sentiasa, (min = 3.14).

Untuk item 12, beliau menetapkan tugas tertentu untuk setiap pekerja, seramai 8 orang (21.6%) jarang-jarang, 17 (45.9%) sekali sekala dan 12 (37.8%) kerap kali (min = 3.11). Bagi item 28 iaitu beliau menentukan semua pekerja menjalankan tugas dengan sepenuhnya seramai 1 orang (2.7%) memilih tidak pernah, 9 (24.3%) jarang-jarang, 13 (35.1%) sekali-sekala dan 14 (37.8%) kerap kali (min = 3.08). Item 6 iaitu beliau mentadbir secara paksaan seramai 3 orang (8.1%) memilih tidak pernah, 13 (43.2%) jarang-jarang, 4 (10.8%) sekali-sekala, 13 (35.1%) kerap kali, dan 4 (10.8%) sentiasa, (min = 3.05).

Untuk item 24 iaitu beliau meminta pekerja mengikut segala peraturan dan syarat kerja yang telah ditetapkan seramai 2 orang (5.4%) memilih tidak pernah, 9 (24.3%) jarang-jarang, 15 (40.5%) sekali-sekala, 7 (18.9%) kerap kali, dan 4 (10.8%) sentiasa, (min = 3.05). Item 2 iaitu beliau memastikan sikapnya jelas difahami oleh pekerja seramai 7 orang (18.9%) memilih tidak pernah, 3 (8.1%) jarang-jarang, 14 (37.8%) sekali-sekala, 8 (21.6%) kerap kali, dan 5 (13.5%) sentiasa, (min = 3.03). Beliau menggalakkan pekerja menggunakan prosedur kerja yang sama item 20, seramai 6 orang (16.2%)

memilih tidak pernah, 7 (18.9%) jarang-jarang, 7 (18.9%) sekali-sekala, 16 (43.2%) kerap kali, dan 1 (2.7%) sentiasa, (min = 2.95).

Untuk item 26 iaitu beliau menjelaskan kepada pekerja-pekerja apa yang diharapkannya seramai 4 orang (10.8%) memilih tidak pernah, 11 (29.7%) jarang-jarang, 9 (24.3%) sekali-sekala, 11 (29.7%) kerap kali, dan 2 (5.4%) sentiasa, (min = 2.89). Seterusnya untuk item ke-30 iaitu beliau memastikan semua tugas pekerja diselaraskan seramai 4 orang (10.8%) tidak pernah, 13 (35.1%) jarang-jarang, 8 (21.6%) sekali-sekala dan 12 (32.4%) kerap kali, (min = 2.76). Bagi item 4 iaitu beliau senang mencuba idea-idea baru bersama pekerja seramai 12 orang (32.4%) memilih tidak pernah, 3 (8.1%) jarang-jarang, 11 (29.7%) sekali-sekala dan 11 (29.7%) kerap kali, (min = 2.57).

4.2.2 Gaya Kepimpinan Berdasarkan Pandangan Pekerja (Dimensi timbang rasa)

Analisis gaya kepimpinan penyelia berdasarkan pandangan pekerja dapat dilihat pada Jadual 4.9 (dimensi gaya timbang rasa).

Jadual 4.9: Analisis Gaya Kepimpinan Berdasarkan Pandangan Pekerja (Dimensi timbang rasa)

Item	Penyata Item	Tidak Pernah	Jarang - Jarang	Sekali Sekala	Kerap Kali	Sentiasa	Min S.P
16	Beliau bertindak tanpa berunding dahulu dengan pekerja	-	4 (10.8%)	5 (13.5%)	9 (24.3%)	19 (51.3%)	3.73 1.387
15	Beliau enggan menjelaskan segala tindakannya	-	7 (18.9%)	7 (18.9%)	21 (56.8%)	2 (5.4%)	3.27 0.962

Item	Penyata Item	Tidak Pernah	Jarang-Jarang	Sekali Sekala	Kerap Kali	Sentiasa	Min S.P
------	--------------	--------------	---------------	---------------	------------	----------	---------

1	Beliau menghulurkan pertolongan peribadi kepada pekerja	-	15 (40.5%)	6 (16.2%)	14 (37.8%)	2 (5.4%)	3.08 1.010
11	Beliau mengambil berat secara individu tentang hal-hal kebajikan pekerja	1 (2.7%)	9 (24.3%)	15 (40.5%)	12 (32.4%)	-	3.03 0.833
17	Beliau menyokong segala tindakan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja	-	14 (37.8%)	9 (24.3%)	14 (37.8%)	-	3.00 0.882
3	Beliau melakukan perkara-perkara kecil bagi membolehkannya disenangi sebagai ahli dalam masyarakat	2 (5.4%)	13 (35.1%)	8 (21.6%)	13 (35.1%)	1 (2.7%)	2.95 1.026
27	Beliau melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pekerja-pekerja	2 (5.4%)	12 (32.4%)	11 (29.7%)	10 (27%)	2 (5.4%)	2.95 1.026
7	Beliau sedia meluangkan masa untuk memberi perhatian kepada pekerja	1 (2.7%)	14 (37.8%)	10 (27.0%)	11 (29.7%)	1 (2.7%)	2.92 0.954
25	Pekerja-pekerja berasa senang apabila berbincang dengan beliau	-	17 (45.9%)	6 (16.2%)	14 (37.8%)	-	2.92 0.924
21	Beliau bersedia melakukan perubahan-perubahan	2 (5.40%)	15 (40.5%)	6 (16.2%)	13 (35.1%)	1 (2.7%)	2.89 1.048
10	Beliau suka bersendirian	-	15 (40.5%)	9 (40.5%)	10 (27.0%)	3 (8.1%)	2.81 0.995
5	Beliau mudah difahami	2 (5.4%)	14 (37.8%)	12 (32.4%)	8 (21.6%)	1 (2.7%)	2.78 0.947
23	Beliau mudah didekati dan mesra dengan semua pekerja	10 (27%)	5 (13.5%)	8 (21.6%)	12 (32.4%)	2 (5.4%)	2.76 1.321
19	Beliau menganggap semua pekerja setaraf dengannya	5 (13.5%)	14 (37.8%)	11 (29.7%)	6 (16.2%)	1 (2.7%)	2.57 1.015
29	Beliau mendapat persetujuan pekerja-pekerja terlebih dahulu sebelum meneruskan sesuatu perkara penting	13 (35.1%)	3 (8.1%)	10 (27.8%)	1 (2.7%)	1 (2.7%)	2.54 1.304

n=37 (Sambungan Jadual 4.9)

Jadual 4.9 menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan gaya kepimpinan penyelia dimensi bertimbang rasa berdasarkan pandangan pekerja. Didapati responden memilih item 16 iaitu beliau beliau bertindak tanpa berunding dahulu dengan pekerja seramai 4 orang (10.8%) jarang-jarang, 5

(13.5%) sekali-sekala, 9 (24.3%) kerap kali, dan 19 (51.3%) sentiasa, (min = 3.73). Bagi item 15 iaitu beliau enggan menjelaskan segala tindakannya seramai 7 (18.9%) jarang-jarang, 7 (18.9%) sekali-sekala, 21 (56.8%) kerap kali, dan 2 (5.4%) sentiasa, (min = 3.27). Item 1 iaitu beliau menghulurkan pertolongan peribadi kepada pekerja seramai 15 (40.5%) jarang-jarang, 6 (16.2%) sekali-sekala, 14 (37.8%) kerap kali, dan 2 (5.4%) sentiasa, (min = 3.08).

Item 11 iaitu beliau mengambil berat secara individu tentang hal-hal kebajikan pekerja seramai 1 orang (2.7%) memilih tidak pernah, 9 (24.3%) jarang-jarang, 15 (40.5%) sekali-sekala, 12 (32.4%) kerap kali, dan 12 (32.4%) sentiasa, (min = 3.03). Bagi item 17 iaitu beliau menyokong segala tindakan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja seramai 14 (37.8%) jarang-jarang, 9 (24.3%) sekali-sekala, 14 (37.8%) kerap kali (min = 3.09). Item 3 iaitu beliau melakukan perkara-perkara kecil bagi membolehkannya disenangi sebagai ahli dalam masyarakat seramai 2 (5.4%) memilih tidak pernah, 13 (35.1%) jarang-jarang, 8 (21.6%) sekali-sekala, 13 (35.1%) kerap kali, dan 1 (2.7%) sentiasa, (min = 3.2.95).

Bagi item 27 iaitu beliau melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pekerja-pekerja seramai 2 orang (5.4%) memilih tidak pernah, 12 (32.4%) jarang-jarang, 11 (29.7%) sekali-sekala, 10 (27%) kerap kali, dan 2 (5.4%) sentiasa, (min = 2.95). Untuk item 7 iaitu beliau sedia meluangkan masa untuk member perhatian kepada pekerja seramai 1 orang (2.7%) memilih tidak pernah, 14 (37.8%) jarang-jarang, 10 (27%) sekali-sekala, 11 (29.7%) kerap kali, dan 1 (2.7%) sentiasa, (min = 2.92). Bagi item 25 iaitu pekerja-pekerja berasa senang apabila berbincang dengan beliau

seramai 17 (45.9%) jarang-jarang, 6 (16.2%) sekali-sekala dan 14 (35.1%) kerap kali (min = 2.92).

Seterusnya item 21 iaitu beliau bersedia melakukan perubahan-perubahan seramai 2 orang (5.4%) memilih tidak pernah, 15 (40.51%) jarang-jarang, 6 (16.2%) sekali-sekala, 13 (35.15%) kerap kali, dan 1 (2.7%) sentiasa, (min = 2.7). Item 10 iaitu beliau suka bersendirian 15 orang (40.5%) jarang-jarang, 9 (40.5%) sekali-sekala, 10 (27%) kerap kali, dan 3 (8.1%) sentiasa, (min = 2.81). Untuk item 5 iaitu beliau mudah difahami seramai 2 orang (5.4%) memilih tidak pernah, 14 (37.8%) jarang-jarang, 12 (32.4%) sekali-sekala, 8 (21.6%) kerap kali, dan 1 (2.7%) sentiasa, (min = 2.78).

Item 23 iaitu beliau mudah didekati dan mesra dengan semua pekerja seramai 10 orang responden (27%) memilih tidak pernah, 5 (13.5%) jarang-jarang, 8 (21.6%) sekali-sekala, 12 (32.4%) kerap kali, dan 2 (5.4%) sentiasa, (min = 2.76). Bagi item 19 iaitu beliau menganggap semua pekerja setaraf dengannya seramai 5 orang (13.5%) memilih tidak pernah, 14 (37.8%) jarang-jarang, 11 (29.7%) sekali-sekala, 6 (16.2%) kerap kali, dan 1 (2.7%) sentiasa, (min = 2.57). Item 29 iaitu beliau mendapat persetujuan pekerja-pekerja terlebih dahulu sebelum meneruskan sesuatu perkara penting seramai 13 orang (35.1%) memilih tidak pernah, 3 (8.1%) jarang-jarang, 10 (27.8%) sekali-sekala, 1 (2.7%) kerap kali, dan 1 (2.7%) sentiasa, (min = 2.54).

4.3 Taburan Data Kepuasan Kerja

Taburan data kepuasan kerja melibatkan persekitaran pekerjaan, peluang kenaikan pangkat, gaji, penyeliaan dan rakan sekerja.

4.3.1 Persekitaran Pekerjaan

Jadual 4.10 menunjukkan analisis faktor kepuasan kerja iaitu persekitaran pekerjaan. Item 3 menunjukkan pekerja tidak menerangkan keadaan memuaskan seramai seorang (2.7%), 34 (91.9%) tidak pasti dan 2 orang (5.4%) menerangkan pekerjaan sekarang. Item 4 iaitu baik/bagus seramai 2 orang (5.4%) tidak menerangkan keadaan bekerja sekarang, 33 (89.2%) tidak pasti dan 2 orang (5.4%) menerangkan keadaan sekarang, (min = 1.08). Untuk item 1 iaitu persekitaran kerja yang menyeronokkan seramai 18 orang (48.6%) tidak menerangkan keadaan sebenar, 14 (37.8%) tidak pasti dan seramai 5 orang (13.5%) menerangkan keadaan sebenar, (min = 0.78).

Jadual 4.10: Taburan Persekitaran Pekerjaan

Item	Penyata Item	Tidak Menerangkan	Tidak Pasti	Menerangkan	Min
					S.P
3	Memuaskan	1 (2.7%)	34 (91.9%)	2 (5.4%)	1.08 0.493
4	Baik/bagus	2 (5.4%)	33 (89.2%)	2 (5.4%)	1.05 0.524
1	Menyeronokkan	18 (48.6%)	14 (37.8%)	5 (13.5%)	0.78 1.004
2	Berulang-ulang	10 (27%)	27 (73%)	-	0.73 0.450
6	Pembayaran tinggi/ gaji tinggi	16 (43.2%)	21 (56.8%)	-	0.57 0.502
7	Membosankan	23 (62.2%)	13 (35.1%)	1 (2.7%)	0.43 0.647
5	Kurang dari apa yang patut saya terima	28 (75.7%)	8 (21.6%)	1 (2.7%)	0.30 0.618
8	Pembayaran rendah/ gaji rendah	32 (86.5%)	5 (13.5%)	-	0.14 0.347

Item 2 menunjukkan berulang-ulang menerangkan keadaan memuaskan seramai 10 (2.7%) dan 27 (73%) tidak pasti, (min = 0.73). Item 6 iaitu pembayaran tinggi/ gaji tinggi seramai 16 orang (43.2%) tidak menerangkan keadaan bekerja sekarang dan 21 (56.8%) tidak pasti., (min =

0.57). Untuk item 7 iaitu persekitaran kerja yang membosankan seramai 23 orang (62.2%) tidak menerangkan keadaan sebenar, 13 (35.1%) tidak pasti dan seramai 1 orang (2.7%) menerangkan keadaan sebenar, (min = 0.43). Item 5 menunjukkan pekerja kurang dari apa yang patut saya terima seramai 28 (75.7%), 8 (21.6%) tidak pasti dan 1 orang (2.7%) menerangkan pekerjaan sekarang, (min = 0.30). Item 8 iaitu pembayaran rendah / gaji rendah seramai 32 orang (86.5%) tidak menerangkan keadaan bekerja sekarang dan 5 (13.5%) tidak pasti (min = 0.14).

4.3.2 Peluang Kenaikan Pangkat

Jadual 4.11 menunjukkan analisis kepuasan kerja iaitu peluang kenaikan pangkat. Item 10 menunjukkan peluang tidak terbatas seramai 1 orang (2.7%) tidak menerangkan keadaan sekarang dan 36 (97.3%) tidak pasti atau tidak dapat membuat keputusan, (min = 0.97). Item 11 menunjukkan kenaikan pangkat bergantung kepada kebolehan seramai 2 orang (5.4%) tidak menerangkan keadaan sekarang dan 35 (94.6%) tidak pasti atau tidak dapat membuat keputusan, (min = 0.95). Item 9 menunjukkan mempunyai peluang kenaikan pangkat seramai 30 orang (81.1%) tidak menerangkan keadaan sekarang, 6 (16.2%) tidak pasti atau tidak dapat membuat keputusan dan seorang (2.7%) menerangkan peluang kenaikan pangkat, (min = 0.24).

Jadual 4.11: Taburan Peluang Kenaikan Pangkat

Item	Penyata Item	Tidak Menerangkan	Tidak Pasti	Menerangkan	Min
					S.P
10	Peluang agak terbatas	1 (2.7%)	36 (97.3%)	-	0.97 0.164
11	Kenaikan pangkat bergantung kepada kebolehan	2 (5.4%)	35 (94.6%)	-	0.95 0.229
9	Mempunyai peluang kenaikan pangkat	30 (81.1%)	6 (16.2%)	1 (2.7%)	0.24 0.597

4.3.3 Gaji

Jadual 4.12 menunjukkan analisis kepuasan kerja iaitu gaji. Item 14 menunjukkan gaji cukup makan seramai 1 orang (2.7%) tidak menerangkan keadaan pendapatan dari gaji dan 36 (97.3%) tidak pasti atau tidak dapat membuat keputusan, (min = 0.97). Item 12 menunjukkan pendapatan mencukupi untuk perbelanjaan biasa seramai 2 orang (5.4%) tidak menerangkan pendapatan dari gaji dan 35 (94.6%) tidak pasti atau tidak dapat membuat keputusan, (min = 0.95). Item 13 menunjukkan gaji memuaskan seramai 4 orang (10.8%) tidak menerangkan pendapatan dari gaji dan 33 (89.2%) tidak pasti atau tidak dapat membuat keputusan, (min = 0.89).

Jadual 4.12: Taburan Gaji

Item	Penyata Item	Tidak Menerangkan	Tidak Pasti	Menerangkan	Min
					S.P
14	Cukup makan	1 (2.7%)	36 (97.3%)	-	0.97 0.164
12	Pendapatan mencukupi untuk perbelanjaan biasa	2 (5.4%)	35 (94.6%)	-	0.95 0.229
13	Memuaskan	4 (10.8%)	33 (89.2%)	-	0.89 0.315
15	Tidak bagus	32 (86.5%)	3 (8.1%)	2 (5.4%)	0.24 0.723
17	Tidak terjamin	30 (81.1%)	7 (18.9%)	-	0.19 0.397
16	Pendapatan dapat memberi kemewahan	33 (89.2%)	3 (8.1%)	1 (2.7%)	0.16 0.553

